

Nik Aziz sokong pertemuan PM, Pope

BH 28 MAY 2002

KOTA BHARU, Isnin – Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan Pope John Paul II di Vatican City, yang dijangka bulan depan, diharap dapat memperbetulkan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap keindahan Islam.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata perjumpaan itu juga wajar menjadi landasan antara kedua-dua pemimpin membuat dan menerima teguran, terutama berhubung perkara yang tidak benar mengenai Islam.

“Sebagai pemimpin kebangsaan, apa lagi yang boleh kita harapkan kalau bukan beliau (Dr Mahathir) memperkenalkan Islam,” katanya pada sidang akhbar di kediamannya di Kampung Pulau Melaka di sini, petang ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini berhubung kesediaan Dr Mahathir menerima undangan Pope untuk bertemu di Vatican City, bulan depan.

Dr Mahathir dijangka bertemu Pope sempena lawatan Perdana Menteri ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 sehingga 12 Jun ini.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas, berharap kesempatan pertemuan itu perlu digunakan oleh Dr Mahathir untuk menjelaskan pelbagai isu berkaitan Islam kepada ketua penganut Roman Katolik itu.

“Sebagai pemimpin ber-

beza agama, kita perlu berpakat untuk menghapuskan perkara maksiat mengikut ajaran masing-masing.

“Islam melarang maksiat, begitu juga agama lain yang tidak menggalakkan maksiat termasuk berjudi, merogol, zina dan mencuri,” katanya.

Nik Abdul Aziz berkata, beliau sendiri pernah ke kuil Buddha di Thailand dan bertemu Gabenor wilayahnya untuk menerangkan bahawa tiada apa yang perlu dibimbangkan terhadap Islam.

Dalam perkembangan lain, Nik Abdul Aziz menyifatkan Umno sebagai konco Inggeris (penjajah) kerana menghalalkan beberapa perkara yang dengan jelas diharamkan Islam.

“Umno sanggup menghalalkan pelbagai maksiat berleluasa di negara ini tanpa menghiraukan kegiatan itu adalah haram di sisi Islam.

“Justeru, saya menganggap Umno konco Inggeris kerana mempraktikkan apa yang dianggap oleh penjajah sebagai halal, tetapi rakyat hari ini bijak dan boleh membezakan antara yang halal dengan haram,” katanya.

Beliau berkata demikian mengulas dakwaan Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, bahawa Pas memperjuangkan Islam mengikut kehendak penjajah supaya umat Islam hanya memberi tumpuan terhadap tuntutan fardu ain.